



ANGGOTA polis memeriksa mayat suspek yang dipercayai cuba merompak kedai emas, semalam.

B/A 10/6/13 AXS 8

# Emas tak dapat, nyawa melayang

■ Polis gagalkan cubaan 2 lelaki rompak kedai emas

Oleh Siti Fatimah Hassan  
sfhassan@mediapi-  
ma.com.my  
Kota Bharu

“M elihat penjenayah mengacukan pisau, saya terus menolak anak berusia tiga tahun ke tepi sebelum meniarap ke lantai dan terdengar dua

yah yang melakukan kegiatan itu berputih mata apabila gagal melarikan emas, malah seorang daripada mereka ditembak mati oleh polis. Menurut Mohd Zulkifli, sebelum kejadian, dia bersama isteri, Nora-zura Hussain, 30,

**FAKTA**  
Polis mengesan seorang lagi suspek yang melarikan diri

yah itu turun daripada kereta dan isteri melihat mereka memakai topi



SUSPEK maut selepas ditembak di paha kiri.



das tembakan,” kata Mohd Zulkifli Mohktar, 46, saksi kejadian samun membatiskan sebuah kedai emas di Jalan Temenggong, di sini, semalam.

Bagaimanapun, dalam kejadian jam 11.15 pagi itu, dua penjen-

yang hamil tujuh bulan dan anak, Nurwidaad Mohd Zulkifli, 3, berjalan kaki menuju ke arah kedai emas berkenaan.

Katanya, isteri melihat dua penjenayah turun daripada Proton Waja sebelum menyarungkan topi keledar berhampiran kedai emas itu.

“Penjen-

keledar sambil menanyakan kepada saya sama ada lelaki itu mahu merompak.

“Saya terus menghampiri kedai itu untuk melihat lebih jelas sebelum polis tiba dan penjenayah itu keluar dari kedai. Seorang penjenayah sempat mengacu pisau ke arah saya manakala seorang lagi melarikan diri,” katanya.

Pemilik kedai emas yang dikenali sebagai Lee, 38, berkata, seorang penjenayah mengacukan pistol kepada keraninya manakala seorang lagi mengarahkan dia membuka dulang simpanan emas.

Katanya, kerani sempat membuka satu dulang sebelum penjenayah terbabit dikejutkan dengan kehadiran polis lalu melarikan diri.

“Mujur mereka tidak sempat melarikan apa-apa kerana polis tiba cepat. Ini kejadian pertama berlaku di kedai ini,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Kelantan Datuk Jalalu-



ANGGOTA polis menyasat lokasi kejadian.

FOTO: ZAMAN HURI ISA



KERETA yang digunakan dua lelaki untuk merompak.

ddin Abdul Rahman ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

Katanya, suspek yang berasal dari Kampung Gabus, Tok Uban, Pasir Mas berusia 32 tahun ditembak di paha kiri.

“Polis kini mengesan seorang lagi suspek yang melarikan diri selain mendapatkan gambarnya melalui kamera litar tertutup (CC-TV). Kes disiasat mengikut Seksyen 4, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971,” katanya.